

Kerajaan tidak , berhasrat merahsiakan — PM

UM 23 JUL 1988

PORT DICKSON '22 pemberita selepas me-
Julai — Perdana Mente- rasмикan Pesta Port Di-
ri, Datuk Sri Dr. Mahat- ckson di sini petang ini.
hir Mohamad berkata, Bagaimanapun, kata
laporan tribunal yang Perdana Menteri, beliau
menyiasat Tun Salleh sendiri tidak mengetahui
Abas akan didedahkan apa yang terkandung
kepada umum. dalam laporan itu kerana
Beliau yang juga hen- beliau belum lagi mene-
teri Kehakiman menam- rimanya.
bah, keseluruhan lapor- "Walau apapun kan-
an itu akan diumumkan dungannya, saya fikir la-
kerana kerajaan tidak poran itu perlu diumum-
berhasrat merahsiakan- kan," ujar beliau.
nya dan laporan itu sen- Laporan tersebut kini
diri tidak mengandungi tersimpan di Kernenter-
sebarang rahsia. ian Kehakiman.
"Laporan itu akan Sementara itu di Kua-
diumumkan kerana tidak la Lumpur, Pemangku
ada apa yang rahsia," Ketua Hakim Negara pemberita
katanya kepada para Tan Sri Abdul Hamid di sini.

Omar harr-har berkata
beliau akan mempersem-
bahkan kepada Yang di-
Pertuan Agong laporan
tribunal yang menyiasat
dakwaan . dakwaan ter-
di hadap Tun Mohamed
Salleh Abas, Ketua Ha-
kim Negara yang digan-
tung jawatan sebaik saja
dititahkan berbuat dem-
ikian.

"Saya tidak tahu bila
ia dapat dipersembah-
kan. Tetapi saya akan
berbuat demikian apabi-
la Seri Paduka Baginda
menitahkannya kepada
saya," katanya kepada
pemberita di pejabatnya

Tan Sri Hamid berka-
ta, beliau tidak tahu se-
cepat mana laporan itu
dapat dipersembahkan
kepada Yang di-Pertuan
Agong tetapi menyebut
bahawa Seri Paduka Ba-
ginda akan dimaklumkan
mengenai keputusan
mahkamah itu.

Ditanya sama ada la-
poran itu akan diumum-
kan, beliau berkata ini
terpulang kepada Seri
Paduka Baginda.

Beliau juga berkata,
kerajaan akan memilih
anggota - anggota tribu-
nal yang akan dibentuk
untuk menyiasat
dakwaan . dakwaan ter-
hadap kelima . lima ha-
kim yang digantung ja-
watan.

Sementara itu, Pe-
guam Negara Tan Sri
Abu Talib Othman, keti-
ka ditanya mengenai ke-
putusan Mahkamah
Agung hari ini, berkata
sekarang ini terpulanglah
kepada Tan Sri Hamid
untuk mempersembah-
kan laporan itu kepada
Yang di-Pertuan Agong.

"Tribunal telah selesai
menjalankan siasatan-
nya, maka ia dikehend-
aki mengemukakan has-
il - hasil penyiasatan itu
secepat mungkin," kata-
nya.

Ditanya sama ada pa-
tut atau tidak tribunal
itu mempersembahkan

LIHAT MUKA 2

KERAJAANTIDAKBERHASRAT MERAHSAIKAN — PM

laporannya sebelum di-
dengar rayuan Tun Sal-
leh terhadap keputusan
Mahkamah Tinggi menol-
ak permohonannya
mendapatkan kebeuaran
menghalang perjalanan
tribunal itu. Tan Sri Abu
Talib berkata, "soal pa-
tut atau tidak, tidak tim-
bul. Mereka (tribunal)
mempunyai tugas untuk
dilaksanakan."

Permohonan Tun Sal-
leh ditolak oleh Hakim
Datuk Ajaib Singh dua
minggu lepas. Beliau
akan merayu kepada
Mahkamah Agung.

Ditanya sama ada be-
liau telah dititahkan oleh
Yang di-Pertuan Agong
untuk memberikan nasi-
hat sama ada laporan itu

patut diumumkan atau
tidak, Tan Sri Abu Talib
berkata "kita tunggu dan
lihat sama ada Seri Pa-
duka Baginda perlukan
nasihat saya. Jika Seri
Paduka Baginda meni-
tahkan supaya saya
memberikan nasihat,
saya akan menjunjung
perintah. Saya tidaklah
boleh mendesak Seri Pa-
duka Baginda."